

LAPORAN LATIHAN PRAKTIKUM

SEKOLAH TUNAS BAKTI  
TELUK AIR TAWAR  
PULAU PINANG

MAZIAH BT. ABDULLAH  
UIK 8671

JABATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
2007

1100053887

LP 21 FPE I 2007



1100053887

Laporan latihan praktikum Sekolah Tunas Bakti Teluk Air Tawar Pulau Pinang / Maziah Abdullah.



PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHRAH  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)  
21030 KUALA TERENGGANU

110005388?

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIDAH UMT

## PERAKUAN

Dengan ini saya Maziah Binti Abdullah mengaku bahawa laporan Latihan Praktikum bagi Kursus KOG 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang telah dipelajari semasa menjalani latihan Pratikum semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

### Tandatangan



Nama : MAZIAH BT. ABDULLAH  
Tarikh : 10 MEI 2007

Disahkan oleh :



(EN. ABDULLAH BIN MOHAMED)

Penyelia UMT  
B/p Pengerusi Latihan Praktikum  
Fakulti pengurusan dan Ekonomi  
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)

110005388?

## PENGHARGAAN

Syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapatlah saya menyiapkan laporan ini seperti yang ditetapkan. Semoga dengan terhasilnya tugas ini, diharap agar ia memberikan maklumat dan ilmu pengetahuan yang dapat dimanfaatkan oleh semua golongan khususnya golongan akademik dan para mahasiswa.

Di sini, saya turut ingin merakam jutaan penghargaan kepada pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di atas segala usaha dan jasa baik, kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk mengikuti Program Praktikum Kaunseling. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKM) dan organisasi Sekolah Tunas Bakti, Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang kerana menerima kehadiran saya sebagai pelatih praktikum dengan tangan terbuka.

Di samping itu juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-setinggi penghargaan kepada penyelia Universiti Malaysia Terengganu (UMT) iaitu En. Abdullah Bin Mohamed di atas segala pengorbanan, nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh beliau kepada saya. Tidak lupa juga kepada Pengetua Sekolah Tunas Bakti, Puan Norhana Sa'adon dan kakitangannya di atas kerjasama yang telah diberikan. Sehubungan dengan itu juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia industri Sekolah Tunas Bakti iaitu En. Muhammad Bin Musa kerana telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada saya selama mengikuti program praktikum.

Selain itu, ucapan terima kasih kepada bonda yang amat saya kasihi di atas pengorbanan dan dorongan yang telah diberikan serta rakan-rakan yang telah banyak membantu saya dalam perkongsian idea dan huluran bimbingan dan bantuan selama menjalani latihan praktium dan sehingga laporan ini dapat disiapkan dengan sempurna dalam tempoh yang ditetapkan.

Untuk yang sekian kalinya, dengan penghasilan laporan ini ia dapat menjadi satu aset yang mempunyai nilainya yang tersendiri dalam membantu mencapai impian dan matlamat yang dapat memberi impak positif kepada semua pihak.

## **ISI KANDUNGAN**

### **Muka Surat**

Perakuan	
Penghargaan	
Ringkasan Eksekutif	1
Pengenalan	2
Bab I: Latarbelakang Organisasi	5
1.0 Latarbelakang Jabatan Kebajikan Masyarakat	5
1.1 Bahagian pemulihan di bawah JKM	10
1.1.1 Perkhidmatan Luar	
1.1.2 Perkhidmatan Juvana (luar)	
1.2 Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menangani masalah	13
Di kalangan kanak-kanak	
1.2.1 Institusi Pemulihan JKM	
1.2.2 Perkhidmatan yang disediakan di institusi JKM	
1.2.3 Peranan dan tugas lembaga pelawat	
1.2.4 Tugas dan kewajipan jawatankuasa kebajikan kanak-kanak (JKKD)	
1.2.5 Perkhidmatan institusi	
1.3 Bahagian Perundingan dan Khidmatan Masyarakat	24
1.4 Bahagian Perkhidmatan Masyarakat	24

1.5 Latarbelakang Institusi Praktikum	25
1.5.1 Sejarah Institusi	25
1.5.2 Prasarana dan Kemudahan	28
1.5.3 Perjawatan dan Pentadbiran	33
1.5.4 Penghuni Sekolah Tunas Bakti	35
1.5.5 Ko-kurikulum/ sukan dan rekreasi penghuni	37
1.5.6 Unit Bimbingan dan kuanseling	41
Bab 2 :Laporan Sesi Kaunseling	49
2.1 Analisa sesi kaunseling individu	50
2.2 Analisa sesi kaunseling kelompok	55
2.3 Analisa hasil dapat Ujian Psikologi dan Inventori	60
2.4 Pendekatan teori	65
2.5 Cara Meningkatkan Kompetensi Sesi dan Matlamat Sesi	68
2.6 Aktiviti Semasa Praktikum	68
2.7 Perkara Yang Dipelajari Ketika Praktikum	71
Bab 3 : Masalah dan Cadangan	
3.1 Masalah Pelatih	73
3.2 Masalah Organisasi	76
3.3 Cadangan	78
Rumusan	79
Bibliografi	
Lampiran	

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Secara keseluruhannya laporan akhir praktikum ini, menerangkan segala aspek pengalaman secara langsung dan tidak langsung yang telah dilalui oleh pelatih di organisasi praktikum iaitu di Sekolah Tunas Bakti, Teluk Air Tawar, Butterworth, Pulau Pinang. Sepanjang tempoh latihan praktikum ini pelbagai pengalaman telah dilalui sama ada pahit dan manis dalam mendapat pendedahan yang amat berharga bagi seorang bakal kaunselor. Pendedahan dan pengalaman yang diperolehi selama menjalani latihan praktikum ini sudah pasti amat berharga bagi pelatih yang bakal berhadapan dengan situasi sebenar di alam *profesionalisme kaunseling*. Sepanjang latihan ini pelatih telah didedahkan dengan situasi sebenar seorang kaunselor di organisasi ini dengan menjalankan perkhidmatan kaunseling yang merangkumi sesi kaunseling individu dan kelompok yang menjadi *core business* di organisasi. Selain itu, pelatih juga turut menjalankan aktiviti-aktiviti bimbingan lain seperti pengujian psikologi dan juga aktiviti-aktiviti luar sekolah untuk penghuni. Pelatih juga tidak hanya berfokus kepada sesi kaunseling semata-mata tetapi juga turut didedahkan kepada pengurusan fail klien (sampul kecil). Pengurusan ini amat penting bagi memantapkan lagi skill dari aspek pentadbiran dan pengendalian sesi kaunseling. Selain itu juga dalam tempoh hampir enam bulan latihan praktikum di sekolah ini, pengaplikasian teori dan pendekatan kaunseling telah banyak dipraktikan dalam menolong para penghuni yang menjalani proses pemulihan. Pelatih juga turut mengenal pasti masalah yang timbul di Sekolah Tunas Bakti, Teluk Air Tawar seperti permasalahan berkaitan dengan penghuni dan juga pentadbiran dan pengurusan. Pelatih juga turut mengambil inisiatif berkaitan perkara tersebut dengan memberi cadangan bagi mengatasi permasalahan tersebut.